

1. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Cikgu Razman berasa kecewa tatkala murid yang menghadiri sesi pemilihan atlet ba... sekolah itu tidak banyak.

	Kesalahan	Pembetulan
A	tatkala	kerana
B	sesi pemilihan	pemilihan sesi
C	tidak	bukan
D	banyak	ramai

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

2. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Ubat batuk yang diberikan oleh doktor itu saya menyimpan di dalam peti sejuk.

	Kesalahan	Pembetulan
A	yang	bahawa
B	oleh	dengan
C	saya menyimpan	saya simpan
D	di dalam	dalam

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

3. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

"Lelaki yang sedang mengecat pintu pagar itu adalah bapa saudara saya," kata Maisarah kepada Lai Kuan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	sedang	belum
B	pintu pagar	pagar pintu
C	adalah	ialah
D	saya	kita

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

4. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Bapa saya sudah bukan bekerja lagi selepas lumpuh akibat kemalangan jalan raya pada tahun lepas.

	Kesalahan	Pembetulan
A	sudah	akan
B	bukan	tidak
C	selepas	ketika
D	pada	di

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

5. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



"Patik telah menyiapkan kelengkapan tuanku untuk berangkat ke negeri Temasek esok," kata bendahara kepada sultan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Patik	Hamba
B	kelengkapan tuanku	tuanku kelengkapan
C	berangkat	bertolak
D	kata	sembah

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

6. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Rafeah memohon cuti dari majikannya untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara.

	Kesalahan	Pembetulan
A	dari	daripada
B	untuk	demi
C	melanjutkan	menamatkan
D	ke	di

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

7. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Abang memang yakin sekali akan lulus di dalam ujian memandu itu.

	Kesalahan	Pembetulan
A	memang	hanya
B	yakin sekali	sekali yakin
C	di dalam	dalam
D	memandu	pemandu

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

8. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan tanda baca**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Suatu ketika dahulu, tulisan Jawi telah diguna pakai oleh masyarakat Melayu secara meluas.

	Kesalahan	Pembetulan
A	dahulu,	dahulu.
B	Jawi	Jawi
C	Melayu	melayu
D	meluas.	meluas!

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

9. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Ayah membeli pisang goreng pada gerai Mak Cik Jah semasa dalam perjalanan pulang dari tempat kerjanya.

	Kesalahan	Pembetulan
A	pisang goreng	goreng pisang
B	pada gerai	di gerai
C	semasa	selagi
D	dari	daripada

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D


10. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Tabung untuk membantu mangsa-mangsa gempa bumi di Jepun itu akan dilancarkan semalam.

	Kesalahan	Pembetulan
A	untuk	demi
B	mangsa-mangsa gempa bumi	mangsa gempa-gempa bumi
C	di	dari
D	akan	telah

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

11. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Walaupun sudah setahun bergraduasi, mereka masih mencari mana pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Walaupun	Semasa
B	sudah setahun bergraduasi	sudah bergraduasi setahun
C	mana	mana-mana
D	dengan	akan

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

12. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Di kampung saya masih terdapat sebuah rumah yang berlantaikan dengan buluh dan beratapkan nipah.

	Kesalahan	Pembetulan
A	masih	belum
B	sebuah	sebutir
C	berlantaikan dengan buluh	berlantaikan buluh
D	dan	atau

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D


13. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Antara mereka bertiga, Balanlah yang paling kuat sekali berlari.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Antara	Di antara
B	mereka	dia
C	bertiga	bertiga-tiga
D	paling kuat sekali	paling kuat

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

14. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Kamilia berharap agar penyakit demam denggi yang bapanya hidap akan segera sembuh.

	Kesalahan	Pembetulan
A	berharap	mengharap
B	agar	jika
C	yang bapanya hidap	yang dihidapi oleh bapanya
D	akan	dapat

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

15. Bahagian yang **bergaris** dalam ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

Pengawas yang bertugas ingat calon agar tidak bercakap ketika peperiksaan sedang dijalankan.

- ☐ A mengingatkan calon agar tidak bercakap
☐ B ingatkan calon kerana tidak bercakap
☐ C mengingati calon supaya tidak cakap
☐ D ingat calon agar tidak bercakap

16. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Murid-murid itu saling bantu-membantu semasa membuat persiapan untuk meraikan majlis persaraan guru besar mereka.

	Kesalahan	Pembetulan
A	saling bantu-membantu	bantu-membantu
B	semasa	apabila
C	persaraan	bersara
D	mereka	dia

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D


17. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Semua ahli pengakap itu diberi masa selama dua setengah jam untuk mendirikan khemah masing-masing.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Semua ahli pengakap	Semua ahli-ahli pengakap
B	dua setengah jam	dua jam setengah
C	untuk	kerana
D	mendirikan khemah masing-masing	masing-masing mendirikan khemah

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

18. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Mereka-mereka yang disyaki terlibat dalam kes samun itu sudah diberkas oleh polis.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Mereka-mereka	Mereka
B	dalam	di dalam
C	sudah	dapat
D	oleh	daripada

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

19. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Berapa orang murid telah dipanggil oleh guru disiplin kerana telah melanggar peraturan sekolah.

	Kesalahan	Pembetulan
A	berapa	beberapa
B	dipanggil oleh guru disiplin	guru disiplin panggil
C	kerana	apabila
D	telah	dapat

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

20. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pengawal keselamatan itu berdiri di hadapan Kedai Emas Cahaya Permata sambil menyandang sebatang senapang.

	Kesalahan	Pembetulan
A	di hadapan	di antara
B	Kedai Emas Cahaya Permata	Cahaya Permata Kedai Emas
C	sambil	ketika
D	sebatang	selaras

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D